



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA 2023

---

#### UNIVERSITI SAINS MALAYSIA JUARA DEBAT STATISTIK ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SIRI KE-2 TAHUN 2023

**SABAK BERNAM, 20 Oktober 2023** – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menganjurkan Pertandingan Akhir Debat Statistik Antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Siri ke-2 yang telah berlangsung di Dewan Seminar, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) Daerah Sabak Bernam, Selangor. Universiti Sains Malaysia (USM) telah dinobatkan sebagai johan pertandingan menewaskan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam pertandingan tersebut. Pusingan awal pertandingan yang telah berlangsung di Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM), Sungkai, Perak pada 6 hingga 8 Oktober 2023 telah menyaksikan penyertaan 14 pasukan debat daripada IPT yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama DOSM.

Pertandingan Debat Statistik Antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Siri ke-2 pada tahun 2023 ini dijayakan dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM). Program ini diadakan bersempena sambutan Hari Statistik Negara (MyStats Day) yang diadakan pada setiap 20 Oktober pada setiap tahun. Tema Pertandingan Debat Statistik Antara IPT Siri Ke-2 ini adalah Pasaran Buruh. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan pemikiran kritis dan analitikal dalam kalangan mahasiswa tentang isu-isu berkaitan pasaran buruh melalui penyampaian hujah-hujah secara rasional, penganalisan data dan fakta, sekaligus meningkatkan literasi statistik dan penggunaan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh DOSM.

Hadiah kepada Johan dan Naib Johan pertandingan telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Turut hadir memeriahkan pertandingan akhir ini ialah YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), merangkap Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM).

Melalui pertandingan debat ini diharapkan dapat mencungkil bakat mahasiswa dalam kemahiran pengucapan awam. Selain itu, ia juga meningkatkan kemahiran mahasiswa supaya lebih responsif terhadap isu-isu semasa yang diperdebatkan sekaligus mengukuhkan pengetahuan mengenai pasaran buruh di kalangan mahasiswa.



DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
20 OKTOBER 2023**

**PASUKAN BAGI PERTANDINGAN AKHIR DEBAT STATISTIK  
ANTARA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SIRI KE-2 TAHUN 2023**

---

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) – JOHAN**

**HADIAH RM 3,000.00 BERSERTA PIALA PUSINGAN PERTANDINGAN  
DAN PIALA IRINGAN**

- i. Muhamad Hafizi bin Mohd Hanafi
- ii. Muhammad Nor Azlan bin Yusof
- iii. Muhammad Irfan Shah bin Duraman
- iv. Muhammad Fahim Faidhi bin Mohd Azman

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) – NAIB JOHAN**

**HADIAH RM 1,500.00 BERSERTA PIALA IRINGAN**

- i. Muhamad Aiman Hafiz bin Alias
- ii. Ahmad Hariz bin Hazmi
- iii. Muhamad Alif Izzudin bin Azmale
- iv. Zahratul Afza binti Rosli

**PENDEBAT TERBAIK PERINGKAT AKHIR:**

**HADIAH RM 500.00 BERSERTA PIALA**

- i. **Muhamad Alif Izzudin bin Azmale**  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**PENDEBAT TERBAIK KESELURUHAN:**

**HADIAH RM 500.00 BERSERTA PIALA**

- i. **Nur Syahirah Balqis binti Shahrulnizam**  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

**SENARAI IPT YANG MENYERTAI  
PERTANDINGAN DEBAT STATISTIK ANTARA IPT SIRI KE-2 TAHUN  
2023**

| <b>BIL</b> | <b>NAMA IPTA/IPTS</b>                                 |
|------------|-------------------------------------------------------|
| 1          | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)         |
| 2          | Universiti Multimedia (MMU)                           |
| 3          | Universiti Teknologi Mara (UiTM)                      |
| 4          | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)                  |
| 5          | Universiti Utara Malaysia (UUM)                       |
| 6          | Universiti Teknologi Petronas (UTP)                   |
| 7          | Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)                   |
| 8          | Universiti Sains Malaysia (USM)                       |
| 9          | Universiti Malaya (UM)                                |
| 10         | Universiti Malaysia Sabah (UMS)                       |
| 11         | Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) |
| 12         | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)            |
| 13         | Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)                   |
| 14         | Universiti Teknologi Malaysia Melaka (UTeM)           |